

15 OCT 2003

MAHATHIR-SEKOLAH/I

DR MAHATHIR SYOR PENUBUHAN SEKOLAH PERNIAGAAN ISLAM

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan penubuhan sekolah perniagaan Islam di mana etika perniagaan Islam boleh dimajukan, dikembangkan dan diajarkan secara bersistematik.

"Kita perlu tahu yang benar dan yang salah ketika menjalankan perniagaan sebagai orang Islam. Kita perlu mengadakan piawaian tertentu," katanya dalam ucap-tama di Forum Perniagaan OIC di sini. Forum itu diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC (Pertubuhan Perniagaan Islam) ke-10.

Dr Mahathir berkata orang Islam perlu menyebarkan etika dan piawaian ini ketika menjalankan perniagaan di kalangan mereka dengan orang bukan Islam.

"Sementara kita memajukan etika perniagaan Islam, kita mesti tidak menolak etika dan sistem hari ini yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam hanya kerana kita mahukan perbezaan," katanya.

Perdana menteri berkata serupa dengan perbankan Islam yang kini diterima, menjalankan perniagaan selaras dengan etika Islam juga akan diterima.

Dr Mahathir berkata orang Islam tidak seharusnya cuba memaksa sistem mereka ke atas orang lain. Begitu juga, mereka seharusnya tidak dipaksa menjalankan perniagaan dengan cara yang diamalkan orang lain jika cara itu tidak adil.

"Kita harus menghalang mereka bukan hanya kerana kita taatkan agama, tetapi kerana ia merupakan amalan buruk dan tidak adil," katanya.

Perdana menteri juga menyeru orang Islam menolak amalan seperti perjudian, pengambilan untung berlebihan dan riba yang kini berleluasa.

"Perniagaan ialah mengenai mendapatkan keuntungan. Tetapi ia tidak boleh sehingga orang lain menanggung derita," katanya.

Oleh itu, katanya, perdagangan mata wang secara memanipulasi yang membawa kepada kepapaan negara dan rakyat harus dielak. Keuntungan yang berpatutan menerusi amalan perdagangan yang diterima etika harus menjadi matlamat.

"Semua ini dan lebih ini boleh diajar dalam matlamat perniagaan Islam. Kita perlu mengadakan piawaian seperti ini untuk memberikan ketinggian dan kejayaan kepada perniagaan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata seperti juga matlamat perniagaan barat hari ini, mungkin di masa depan, matlamat perniagaan Islam akan menarik pelajar perniagaan dari seluruh dunia.

"Ia tidak akan merugikan perniagaan sedunia. Sebaliknya, ia akan merangsang perniagaan dunia apabila didapati amalan perniagaan Islam membawa situasi menang-menang. Segalanya mungkin berlaku," tambahnya. --

BERNAMA

MAD RIZ SD JR